

## Soalan-Soalan Lazim

# PERADUAN POS AR-RAHNU PESONA GOLD

Bil.	Soalan/Jawapan
<b>S1</b>	<b>Apakah Peraduan “Pos Ar-Rahnu Persona Gold”?</b>
J1	Peraduan Pos Ar-Rahnu Persona Gold dianjurkan oleh Pos ArRahnu Sdn Bhd (“Penganjur”). Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang menjalankan urusan bagi cagaran emas dan simpanan emas (Ar-Rahnu Simpan) di Pos Ar-Rahnu.
<b>S2</b>	<b>Berapa lamakah Peraduan ini akan berlangsung?</b>
J2	Peraduan ini akan berlangsung mulai 5 April 2018 sehingga 5 Jun 2018.
<b>S3</b>	<b>Siapakah yang boleh menyertai Peraduan ini?</b>
J3	Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk sah Malaysia (Warganegara Malaysia dan Warga Asing) yang berusia 18 tahun ke atas termasuk kakitangan Pos Malaysia.
<b>S4</b>	<b>Apakah jenis emas yang diterima ?</b>
J4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 999 – 24k</li> <li>• 950 – 22.8k</li> <li>• 916 – 22k</li> <li>• 875 – 21k</li> <li>• 835 – 20k</li> <li>• 750 – 18k</li> </ul>
<b>S5</b>	<b>Bagaimanakah cara untuk menyertai Peraduan ini?</b>
J5	Untuk menyertai Peraduan ini, pelanggan perlu berurusan secara terus di mana-mana 80 cawangan Pos ArRahnu yang berdekatan dengan membuat cagaran emas berjumlah minimum RM1,000 mengikut kadar emas semasa dan tempoh minimum pajakan bagi peraduan ini adalah 6 bulan. Pelanggan perlu menyimpan resit asal sebagai bukti. Setiap pelanggan yang menjalankan urusan tersebut adalah layak untuk memenangi hadiah-hadiah yang menarik dan lumayan.

<p><b>S6</b></p>	<p><b>Di manakah cawangan Pejabat Pos Ar-Rahnu yang terlibat untuk Peraduan Persona Gold?</b></p>
<p>J6</p>	<p>80 cawangan Pos Ar-Rahnu (Semenanjung &amp; Borneo) :</p> <p>Perlis (Kangar) Kedah (Sg Petani,Kulim,Jitra,GPO Alor Setar,Pendang) P. Pinang (Kepala Batas,Bukit Mertajam,Dato Keramat) Perak (Gerik,Ipoh,Parit Buntar,Kuala Kangsar,Seri Manjong,Tanjung Malim,Batu Gajah,Taiping,Teluk Intan) Selangor (Rawang,Kuala Kubu Bharu,Klang Utara,Telok Panglima Garang,GPO Shah Alam,Kelana Jaya,Bandar Baru Bangi,Semenyih,Dengkil,Kajang ,Ulu Langat,Pelabuhan Klang) WPKL (Jinjang,Gombak,GPO Kuala Lumpur) N. Sembilan (Port Dickson,Tampin,GPO Seremban) Melaka (Jasin,Masjid Tanah,Ayer Keroh,GPO Melaka,Alor Gajah) Johor (Segamat,Muar,Skudai,Bandar Tenggara,GPO Johor Bahru,Gelang Patah,Simpang Renggam,Parit Raja,Kota Tinggi) Pahang (Jerantut,Jengka,GPO Kuantan,Temerloh,Mentakab,Raub) Terengganu (Chukai,Dungun,Jerteh,Kuala Terengganu,Kuala Berang,Chabang Tiga) Kelantan (Selising,Wakaf Che Yeh,Wakaf Bharu,GPO Kota Bharu,Machang,Tumpat,Pasir Mas,Kuala Krai,Gua Musang) Sabah (GPO Kota Kinabalu,Lahad Datu,Tawau,Sandakan,Inanam,Tuaran,Keningau,Tawau 2020,Kota Marudu)</p>
<p><b>S7</b></p>	<p><b>Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi Peraduan ini?</b></p>
<p>J7</p>	<p>Hadiah terbahagi kepada 4 kategori :</p> <p>a) Hadiah Utama x 1</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proton Persona 1.6 CVT Metalic (2018)</li> </ul> <p>b) Hadiah Kedua x 2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Motorsikal Modenas CT 115S</li> </ul> <p>c) Hadiah Ketiga x 6</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jongkong Emas Pos ArRahnu 1 Dinar</li> </ul> <p>d) Hadiah Saguhati x 17 :</p> <p>*Hadiah Keempat x 5</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jongkong emas Pos ArRahnu ½ Dinar</li> </ul> <p>*Hadiah Kelima x 6</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jongkong emas Pos ArRahnu 1 gm</li> </ul> <p>*Hadiah Keenam x 6</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jongkong emas Pos ArRahnu 0.5gm</li> </ul>

S8	<b>Adakah hadiah pertama dan kedua ditanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur dan apakah tanggungjawab pemenang?</b>
J8	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bagi hadiah pertama (kereta) dan kedua (motorsikal) hanya harga kenderaan tersebut sahaja ditanggung oleh pihak penganjur (Pos Ar-Rahnu Sdn Bhd). Lain-lain kos akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.</li> <li>➤ Untuk membuat tuntutan bagi hadiah pertama dan kedua, pemenang dikehendaki membuat pendaftaran dengan sendiri dan segala kos perbelanjaan pendaftaran adalah ditanggung oleh pemenang. Pendaftaran kenderaan perlu dilakukan sebelum tarikh upacara penyampaian hadiah di lakukan dan tarikh serta tempat majlis penyampaian hadiah adalah ditentukan oleh pihak Pos Ar-Rahnu Sdn Bhd.</li> <li>➤ Hadiah pertama dan kedua adalah tidak termasuk yuran pendaftaran kenderaan, cukai jalan dan perlindungan insurans. Para pemenang adalah bertanggungjawab keatas sebarang kos tambahan, duti, cukai dan lain-lain kos yang terlibat berkaitan penerimaan hadiah pertama dan kedua ini.</li> <li>➤ Pos Ar-Rahnu Sdn Bhd berhak untuk menentukan lokasi hadiah utama dan hadiah kedua untuk dituntut yang mana pemenang akan di maklumkan secara bertulis atau mengikut tatacara yang difikirkan bersesuaian oleh pihak Pos Ar-Rahnu Sdn Bhd.</li> </ul>
S9	<b>Bagaimanakah pemenang akan dipilih?</b>
J9	<p>Pemenang akan dipilih secara rawak mengikut terma dan syarat peraduan. Semua pemenang akan dihubungi melalui panggilan telefon untuk pengesahan maklumat diri. Peserta mestilah mempunyai maklumat dokumen pengenalan diri yang sah berserta nombor yang boleh dihubungi. Butiran dan syarat pengambilan hadiah juga akan diberitahu kelak. Pemenang yang telah dipilih mesti menunjukkan resit asal sebagai bukti telah menjalankan urusan cagaran emas di cawangan Pos ArRahnu. Lebih banyak urusan tersebut dilakukan, lebih besar peluang untuk memenangi hadiah yang disediakan.</p>
S10	<b>Bolehkah saya memenangi Peraduan ini lebih daripada sekali?</b>
J10	<p>Tidak, kerana setiap pemenang hanya boleh memenangi 1 hadiah sahaja.</p>
S11	<b>Bilakah pengumuman penerima hadiah akan dibuat?</b>
J11	<p>Bagi pengumuman penerima hadiah, pengumuman akan dibuat pada bulan Disember 2018. Dimana pada Disember tersebut akan diumumkan senarai nama bagi penerima daripada hadiah utama sehingga penerima hadiah saguhati. Hadiah yang akan diberikan kepada penerima adalah sangat menarik dan lumayan.</p>



MALAYSIA

<b>S12</b>	<b>Bagaimanakah pemenang menebus hadiah sebaik sahaja diumumkan sebagai pemenang?</b>
J12	<u>Hadiah Utama x1 / hadiah kedua x2 / hadiah ketiga x6 / &amp; hadiah suguhati x17 :</u> Pihak Penganjur akan menghubungi senarai pemenang untuk menghadiri satu majlis penyampaian hadiah yang akan diadakan bagi menerima hadiah tersebut.
<b>S13</b>	<b>Bolehkah hadiah ditukar kepada bentuk atau hadiah yang lain?</b>
J13	Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik, ditebus balik atau ditukar kepada wang tunai atau mana-mana bentuk hadiah lain.
<b>S14</b>	<b>Adakah saya masih layak untuk menyertai Peraduan ini selepas tamat Tempoh Peraduan?</b>
J14	Penyertaan yang diterima selepas tamat Tempoh Peraduan tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

Pos Ar-Rahnu Sdn. Bhd.  
Pos Malaysia Berhad (229990-M)  
Level 3, Pos Malaysia Headquarters  
Dayabumi Complex, 50670 Kuala Lumpur

t: +603 2267 2267  
f: +603 2267 2255  
www.pos.com.my